

Negara maju tak ada rancangan kawal pencemaran



KUALA LUMPUR 5 Dis. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad

Perdana Menteri berkata, negara - negara maju menggunakan pihak lain, khususnya Pertubuhan Kerajaan (NGO) untuk membuat berbagai - bagai kritikan terhadap usaha - usaha pemeliharaan alam sekitar.

"Negara - negara maju sebenarnya tidak pernah membuat rancangan atau strategi yang konkrit sedangkan kira - kira 80 peratus pencemaran alam sekitar berpunca daripada negara - negara tersebut," ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang di sini sekembalinya dari menghadiri Persidangan Kemuncak Kedua Negara - Negara Membangun (G-15) di Caracas, Venezuela dan lawatan tiga hari ke St. Lucia.

Dato' Sri Dr. Mahathir diminta mengulas mengenai kenyataan Chris Elliot, pegawai perhutanan Dana Alam Sekitar Dunia (WWF) yang membidas kerajaan Amerika kerana gagal menyediakan strategi ke arah usaha mengekalkan pengurusan perhutanan tropika menjelang tahun 2000.

Semalam, Chris Elliot dalam kenyataannya di Tokyo berkata, hanya sembilan daripada 47 buah negara yang menganggotai Pertubuhan

Kayu Balak Tropika Antarabangsa (TITO) telah menggariskan pelan atau strategi bagi mengekalkan pengurusan hutan tersebut menjelang tempoh tersebut.

Beliau seterusnya berkata, NGO diperalatkan oleh kumpulan - kumpulan tertentu untuk mengecam segala tindakan dan usaha ke arah pemeliharaan alam sekitar.